

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

THE STAR MIS 4 NATION 14/4/2025 (ISNIN)

Hospitals to tighten security after 'abduction' scare

PUTRAJAYA: The Health Ministry will enhance its security control standard operating procedure at all hospitals to improve regulatory measures and prevent any untoward incidents, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Referring to allegations of a pair of twins being abducted by a bogus doctor, the Health Minister said the ministry does not compromise on safety and is taking the matter seriously.

"We will continue to enhance our SOP and security controls. We're not taking this lightly. It's a wake-up call for us to keep

improving the effectiveness of our systems and regulatory measures," he said at a press conference after launching the World Physical Activity Day celebration here yesterday, Bernama reported.

The event was held in conjunction with the Car-Free Day initiative. Also present was Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zailina Mustafa.

On Saturday, the management of Hospital Kuala Lipis lodged a police report following allegations that a pair of twins who had

been treated there for nine months was abducted by a fake doctor.

In a statement, the Pahang Health Department said investigations revealed that no such twins had received treatment for nine months in the hospital's paediatric ward, and that the mother last sought treatment at the hospital in July 2024.

As for the allegation involving a supposed doctor named "Dr Amalina Husna" who was said to have treated the babies for nine months, it was found that there is no record of such a doctor having

ever worked at that hospital.

On another matter, Dzulkefly said the ministry is planning to expand the Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) initiative to civil servants in the states.

He said the PSS programme has received encouraging response following its implementation in 25 ministries and government agencies, involving more than 60,000 civil servants in Putrajaya.

The PSS initiative is aimed at fostering a healthy civil service workforce that can function productively in contributing to Malaysia's development.



Dzulkefly: 'We're not taking this lightly.'

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATIONAL

Security SOP to be stepped up at all govt hospitals

► Move follows allegations of pair of twins being abducted by impersonator posing as doctor at Kuala Lipis Hospital

PUTRAJAYA: The Health Ministry will enhance its security SOP at all hospitals to prevent any untoward incidents, said its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Referring to allegations of a pair of twins being abducted by an impersonator posing as a doctor, he said the ministry does not compromise on safety and is taking the matter seriously.

"We will continue to enhance our SOPs and security controls. We're not taking this lightly - it's a wake-up call for us to keep improving the effectiveness of our systems and regulatory measures."

He was speaking at a media conference after launching the World Physical Activity Day celebration held in conjunction with Car-Free Day in Putrajaya yesterday.

Also present was Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

On Saturday, the management of Kuala Lipis Hospital lodged a police report following allegations that a pair of twins, who had been there for nine months for treatment, were abducted by a fake doctor.

The Pahang Health Department said in a statement that investigations revealed that no such twins had received treatment for nine months in the hospital's paediatric ward, and that the mother in question last sought treatment at the hospital in July 2024.

As for the allegation involving a supposed doctor named "Dr Amalina Husna" who was said to have treated the "babies" for nine months, it was found that there was no record

of such a doctor having ever worked at Kuala Lipis Hospital.

On another matter, Dzulkefly said the ministry is planning to expand the Putrajaya Sihat Sejahtera initiative to civil servants in the states.

He said the initiative has received encouraging response following its implementation in 25 ministries and government agencies, involving more than 60,000 civil servants in Putrajaya.

Dzulkefly also said the condition of a man who was seriously injured in the gas pipeline fire in Putra Heights, Subang Jaya, on April 1 is improving.

He said the 21-year-old man, who is still dependent on a ventilator, has shown signs of progress at a private hospital, Bernama reported.

On the status of other victims receiving medical treatment, he said as of yesterday 30 people were still being treated at both public and private hospitals.

"There are currently 17 victims in private hospitals, 13 in Health Ministry hospitals and one in a private hospital's ICU."



Dzulkefly and Zaliha (second from right) taking part in the Syawal Fun Walk at Dataran Putrajaya yesterday. - BERNAMAPIC

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

BH MISC NASIONAL 14/4/2025 (ISNIN)

SOP kawalan keselamatan di hospital dipertingkatkan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mempertingkatkan prosedur operasi standard (SOP) kawalan keselamatan di semua hospital bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini, kata Menteri, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Mengulas dakwaan ada bayi kembar kononnya dilarikan individu menyamar doktor, beliau menegaskan, KKM tidak berkompromi dalam aspek keselamatan dan memandangkan serius perkara itu.

"Kita akan terus mempertingkatkan SOP dan kawalan keselamatan. Kita tidak ambil ringan isu ini dan ia isyarat penting untuk kita terus memperbaiki keberkesanan sistem kawalan dan penyeliaan sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Aktiviti Fi-

zikal Sedunia (WOPAD) sempena inisiatif Hari Tanpa Kenderaan Putrajaya, di sini semalam yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Kelmarin, pihak pengurusan Hospital Kuala Lipis membuat laporan polis berhubung dakwaan yang tular kononnya seorang individu menyamar doktor melarikan bayi kembar dirawat selama sembilan bulan di hospital berkenaan.

Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dalam kenyataan, memaklumkan hasil siasatan mendapati tiada rekod menunjukkan wujudnya bayi kembar seperti didakwa menerima rawatan selama sembilan bulan di Wad Kanak-Kanak hospital itu.

Malah, kali terakhir ibu kepada bayi berkenaan menerima

rawatan di Hospital Kuala Lipis adalah Julai 2024. Siasatan juga mendapati tiada rekod kewujudan doktor yang didakwa pernah bertugas di hospital berkenaan.

Sebelum ini, satu hantaran di laman Facebook bertajuk 'Sepasang Bayi Kembar Hilang Dilarikan oleh Doktor Palsu di Hospital Kuala Lipis' tular di media sosial dan menerima pelbagai reaksi daripada warganet.

Perluas inisiatif PSS

Sementara itu, Dzulkefly berkata, pihaknya bercadang memperluaskan inisiatif Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) kepada penjawat awam di negeri berikutan sambutan memberangsangkan di sini dengan penyertaan lebih 60,000 penjawat awam daripada 25 kementerian dan agensi kerajaan.

"Sesi libat urus bersama pihak



Dr Dzulkefly bersama Dr Zaliha pada perasmian WOPAD sempena inisiatif Hari Tanpa Kenderaan Putrajaya, semalam. Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Suriani Ahmad dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

berkepentingan sedang dijalankan bagi mendapatkan data asas berkaitan status kesihatan penjawat awam di peringkat negeri. Kita mahu melaksanakan inisiatif penjawat awam sihat sejahtera secara menyeluruh.

"Ini akan dimulakan sebaik sahaja kita memperoleh data daripada kerajaan negeri," kata PSS dilaksanakan bertujuan melahirkan penjawat awam yang sihat dan produktif demi menyumbang kepada pembangunan negara.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

HARIAN METRO M/S 12 LOKAL 14/4/2025 (ISNIN)

Mangsa di ICU makin baik

PUTRA HEIGHTS BERGEJAR

Putrajaya

Tahap kesihatan seorang mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lalu yang kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital swasta semakin baik.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, berdasarkan pemantauan petugas perubatan, lelaki berusia 21 tahun yang masih bergantung kepada alat bantuan pernafasan itu menunjukkan perkembangan baik.

"Saya mendapat laporan bahawa keadaannya semakin baik. Kita doakan (kesihatannya), dia adalah seorang lelaki berusia 21

tahun.

"(Dia) diintubasi tetapi semakin baik, sekarang (dia) masih menggunakan inotropes tetapi keadaannya agak lebih baik...masih memerlukan sokongan dan sedang menunjukkan tanda-tanda pemulihan," katanya selepas merasmikan majlis sambutan Hari Aktiviti Fizikal Sedunia (Wopad) sempena iniisiatif Hari Tanpa Kereta Putrajaya di sini, semalam.

Mengekalkan status mangsa yang

dirawat di fasiliti kesihatan, Dzulkefly berkata, 30 mangsa masih mendapatkan rawatan di hospital kerajaan dan swasta setakat semalam.

"Saya perhatikan ada 17 yang masih dirawat di wad hospital swasta manakala 13 di hospital Kementerian Kesihatan manakala satu kes ICU di hospital swasta," katanya.

Insiden kebakaran saluran

paip gas Petronas pada jam 8.10 pagi, 1 April lalu menyebabkan api marak setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Kejadian itu mengakibatkan 81 rumah musnah sepenuhnya dengan kerosakan struktur melebihi 40

peratus, 81 rumah separa musnah, 57 rumah terkesan, tetapi tidak terbakar manakala 218 rumah tidak terjejas.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, laporan penuh berhubung insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights dijangka diperoleh pada pertengahan Mei ini.

"(Dia) diintubasi tetapi semakin baik, sekarang (dia) masih menggunakan inotropes tetapi keadaannya agak lebih baik...masih memerlukan sokongan dan sedang menunjukkan tanda-tanda pemulihan"

Menteri Kesihatan,
Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO M/S 9 LOKAL 14/4/2025 (ISNIN)

KKM tingkatkan SOP keselamatan semua hospital

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertingkatkan prosedur operasi standard (SOP) kawalan keselamatan di semua hospital bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Mengulas dakwaan berhubung insiden bayi kembar yang kononnya dilarikan oleh individu menyamar sebagai doktor, beliau menegaskan bahawa KKM tidak berkompromi dalam aspek keselamatan dan memandangkan serius perkara tersebut.

“Kita akan terus mempertingkatkan SOP dan kawalan keselamatan. Kita tidak ambil ringan isu ini dan ia merupakan isyarat penting untuk kita terus memperbaiki keberkesanan sistem kawalan dan penyeliaan sedia ada,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Aktiviti Fizikal Sedunia (WOPAD) sempena inisiatif Hari Tanpa Kende-

raan Putrajaya, di sini, semalam.

Kelmarin, pihak penguurusan Hospital Kuala Lipis membuat laporan polis berhubung dakwaan seorang individu menyamar sebagai doktor dan didakwa melarikan bayi kembar yang kononnya dirawat selama sembilan bulan di hospital berkenaan.

Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dalam kenyataan memaklumkan

hasil siasatan mendapati tiada rekod menunjukkan wujudnya bayi kembar seperti yang didakwa menerima rawatan selama sembilan bulan di Wad Kanak-Kanak hospital tersebut.

Malah, ibu kepada bayi berkenaan kali terakhir menerima rawatan di Hospital Kuala Lipis adalah pada Julai 2024.

Berhubung dakwaan terdapat individu menggunakan nama Dr Amalina Husna yang dikatakan merawat bayi itu, siasatan mendapati tiada rekod kewujudan doktor tersebut pernah bertugas di Hospital Kuala

Lipis.

Sebelum ini, satu hantaran di laman Facebook bertajuk ‘Sepasang Bayi Kembar Hilang Dilarikan oleh Doktor Palsu di Hospital Kuala Lipis’ tular di media sosial dan menerima pelbagai reaksi daripada warganet.

Dalam perkembangan lain, Dzulkefly berkata, pihaknya bercadang memperluaskan inisiatif Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) kepada penjawat awam di negeri-negeri.

Katanya, pelaksanaan PSS di Putrajaya setakat ini menunjukkan sambutan memberangsangkan dan telah melibatkan penyertaan lebih 60,000 penjawat awam daripada 25 kementerian dan agensi kerajaan.

“Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan sedang dijalankan bagi mendapatkan data asas berkaitan status kesihatan penjawat awam di peringkat negeri.

“Kita mahu melaksanakan inisiatif penjawat awam sihat sejahtera secara menyeluruh dan akan memulakannya sebaik sahaja kita memperoleh data daripada kerajaan negeri,” katanya.

“
Kita tidak ambil
ringan isu ini dan
ia merupakan
isyarat penting

Dr Dzulkefly
Ahmad